

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 8 JULAI 2019, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 25

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1422-L05346
Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan rasional pelaksanaan "*Voluntary Disclosure Scheme*" dan jumlah pembayar cukai yang telah menyertai dalam skim ini serta jumlah cukai tambahan yang telah dikutip hasil dari skim ini.

2. PR-1422-L05314
Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah perkembangan kajian yang dibuat oleh Kementerian berkenaan pelaksanaan semula pilihan raya peringkat Kerajaan Tempatan serta adakah ianya akan dilaksanakan dalam masa terdekat.

3. PR-1422-L05033
Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sehingga bulan Mei 2019 berapakah jumlah peruntukan menyelenggara jalan-jalan Persekutuan yang telah dibelanjakan dan bagaimanakah pihak Kementerian mengenal pasti jalan-jalan yang perlu dibaiki dan perlaksanaan pembaikan dengan segera.

4. PR-1422-L05360
Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan setakat manakah keberkesanan langkah BNM menurunkan kadar dasar semalam (OPR) daripada 3.25% kepada 3.0% bagi merangsang aktiviti pelaburan dan perbelanjaan domestik dalam masa yang sama sebagai usaha menyokong ekonomi kerana peningkatan risiko global.

5. PR-1422-L05625
Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan tindakan yang diambil ke atas pemilik bangunan yang tidak mematuhi penyediaan keperluan infrastruktur bagi orang kurang upaya (OKU) yang diwajibkan dalam pembinaan bangunan di negara ini.
6. PR-1422-L04623
Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [Besut] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan usaha-usaha merencanakan industri pelancongan di Besut melalui kaedah-kaedah baru yang digunakan untuk menarik pelancong asing sempena Tahun Melawat Malaysia 2020.
7. PR-1422-L05479
Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah inisiatif Kementerian dalam Pelan Harapan Pembangunan Luar Bandar dalam aspek pembangunan modal insan di kawasan luar bandar.
8. PR-1422-L04678
Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan senarai sebab bangsa Melayu/Bumiputera kurang jadi usahawan dan mengapa masyarakat Cina ramai. Apa langkah untuk ramaikan orang Melayu jadi usahawan dan adakah pendidikan sekolah rendah, menengah dan universiti akan dirombak untuk ajar ilmu keusahawanan secara subjek yang tetap dan wajib lulus.
9. PR-1422-L05181
Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian akan mengukuhkan komitmen kewangan kepada usaha membasmi kanser serviks di negara kita melalui vaksin, teknologi baru seperti "*point of care diagnostics*" dan program saringan kanser serviks HPV DNA yang mesra wanita seperti "*Program ROSE*".
10. PR-1422-L04606
Tuan Yamani Hafez bin Musa [Sipitang] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kemajuan pelaksanaan projek Lebuh Raya Pan Borneo bagi jajaran Sabah, dan apakah pengambil alihan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) sebagai pemantau projek tidak menjejaskan pelaksanaannya, dan sehingga kini apakah keseluruhan pakej projek tersebut sudah dianugerahkan kepada kontraktor.

11. PR-1422-L04363
Tuan Jonathan Yasin [Ranau] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah Kementerian ada perancangan supaya penduduk di seluruh daerah Ranau mendapat bekalan letrik sepenuhnya dari pihak Kerajaan kerana masih begitu banyak kampung-kampung tidak menikmati bekalan elektrik.
12. PR-1422-L05384
Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa aduan dan saman terhadap kesalahan merokok di premis makanan telah dikeluarkan sejak penguatkuasaannya.
13. PR-1422-L05354
Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan :-
- (a) apakah program-program yang dirancang untuk menambahbaik kemudahan prasarana pelancongan di kawasan-kawasan tumpuan pelancongan khususnya di negeri Sabah; dan
 - (b) berapakah peruntukan yang disediakan untuk menambahbaik kemudahan prasarana pelancongan di Sabah.
14. PR-1422-L05405
Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan apakah pihak Kementerian telah merangka program keusahawanan khusus untuk membantu golongan usahawan baharu daripada kalangan B40.
15. PR-1422-L04393
Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan beberapa syarikat tempatan yang menyenaraikan saham-saham mereka di bursa negara lain dan sama ada Kerajaan ada perancangan untuk menggalakkan syarikat-syarikat tersebut untuk menyenaraikan saham mereka di Bursa Malaysia.

16. PR-1422-L04876
Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah Kerajaan akan meneruskan pakej baharu Central Spine Road (CSR) laluan Kota Bharu – Gua Musang kerana projek ini bakal memberikan manfaat kepada hampir seluruh penduduk Kelantan dan membantu perkembangan sosio ekonomi.
17. PR-1422-L05615
Tuan Wong Chen [Subang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pendirian Kementerian tentang penggunaan plastik mikrobar yang dijumpai dalam produk kosmetik dan produk penjagaan diri yang dijual di Malaysia. Adakah penggunaan microbeads akan dilarang sama seperti tindakan negara Taiwan, Kanada dan United Kingdom.
18. PR-1422-L04674
Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah usaha pihak Kementerian bagi membantu usahawan-usahawan desa terutama terhadap golongan anak muda dalam melonjakkan pendapatan mereka selain daripada program jualan atas talian (*Business Online*).
19. PR-1422-L05037
Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai hasrat untuk menjadikan kawasan Papan di Parlimen Batu Gajah sebagai destinasi pelancongan memandangkan terdapat tinggalan sejarah seperti Istana Billah, rumah kediaman Sybil Kathigasu, Taman Herba, bangunan-bangunan kolonial dan sebagainya. Bolehkah Kementerian menghulurkan peruntukan yang sewajarnya untuk membangunkan kawasan pelancongan yang berpotensi ini.
20. PR-1422-L05720
Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah jumlah permit import baharu bagi sisa plastik yang telah diluluskan selepas penetapan syarat baharu dan bilakah penyeragaman kawal selia kod tarif akan dapat dimuktamadkan bagi mengelakkan sisa plastik tidak boleh dikitar semula diimport ke Malaysia.
21. PR-1422-L04559
Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah jenis tindakan yang dikenakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) kepada pengamal pergigian haram yang dikesan kian berleluasa sehingga dikhuatiri mengundang pelbagai risiko kesihatan kepada pelanggan.

22. PR-1422-L04703

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan keistimewaan program *Harapan Entrepreneurship Realisation Strategy (HERS)* berbanding program-program keusahawanan yang lain, dan bagaimanakah program tersebut dapat memfokuskan pembangunan keusahawanan dalam kalangan wanita luar bandar seperti yang diharapkan.

23. PR-1422-L05708

Dato' Seri Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan pecahan 100,000 unit Rumah Mampu Milik yang dikenalpasti bakal dibina untuk golongan B40 mengikut negeri. Berapa buah rumah kategori ini yang telah ditetapkan akan dibina tahun ini dan di mana.

24. PR-1422-L05409

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawawi [Tumpat] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah Kementerian berhasrat meluaskan program Kraf Komuniti Ku (KKK) ke seluruh negara dalam rangka meningkatkan jumlah usahawan yang terlibat dalam industri batik di negara ini.

25. PR-1422-L05760

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk memastikan setiap kampung di Sabah mendapat bekalan elektrik, air terawat dan perhubungan jalan raya.

26. PR-1422-L04412

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sama ada Malaysia telah selesai melaksanakan semua syarat-syarat pelaksanaan *The United Nations Convention on the Laws of the Sea (UNCLOS)* yang diratifikasikan pada 14 Oktober, 1996 dan dikatakan telah berkuatkuasa pada 14 November, 1996, dan apakah prasyarat yang terkandung di dalam konvensyen tersebut yang sudah dan perlu lagi dipenuhi.

27. PR-1422-L05670

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan penjelasan bahawa adakah benar pencarum yang ingin membuat pengeluaran KWSP untuk membina rumah hendaklah mempunyai tapak rumah milik mereka sendiri dan status tanah mereka hendaklah bergeran. Jika ini benar, ia amat menyusahkan pencarum dari Sarawak untuk membuat pengeluaran membina rumah mereka sendiri kerana kebanyakan status tanah di Sarawak adalah status tanah adat dan tidak bergeran. Jika benar ini berlaku, adakah pihak Kementerian akan melonggarkan syarat pengeluaran KWSP untuk golongan ini.

28. PR-1422-L04502

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan sejauh manakah perusahaan kecil dan sederhana (SME) sudah bersedia untuk menempuhi gelombang Revolusi Industri 4.0 dan apakah inisiatif Kerajaan dalam membantu mereka.

29. PR-1422-L04686

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan tentang status keputusan Kementerian sama ada untuk memberikan insentif atau rebat kepada pembeli awal projek perumahan PR1MA seperti rebat yang diberikan kepada pembeli sekarang.

30. PR-1422-L05335

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pelan tindakan terbaru di peringkat OIC melalui Deklarasi Makkah yang dibentangkan dalam Sidang Kemuncak OIC bulan lalu bagi menyelesaikan konflik panjang di Palestin.

31. PR-1422-L04336

Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah usaha Kementerian dalam meneliti kaedah untuk mempercepatkan proses menunggu di hospital Kerajaan dan keberkesanannya.

32. PR-1422-L05553

Datuk Seri M. Saravanan [Tapah] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan akan melaksanakan cadangan memperkenalkan caj kesesakan, kadar tol percuma pada waktu 'off-peak' antara iaitu jam 11 malam dan 5 pagi dan bilakah akan dilaksanakan.

33. PR-1422-L05449
Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah atau perancangan Kerajaan untuk membantu golongan M40 memandangkan golongan tersebut banyak terdedah kepada tekanan ekonomi dan kos sara hidup yang tinggi terutama bagi mereka yang tinggal di bandar.
34. PR-1422-L04335
Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan secara terperinci perancangan Kementerian bagi mempromosikan Tahun Melawat Malaysia 2020.
35. PR-1422-L04651
Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [Hulu Rajang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sekiranya pihak Kementerian bercadang untuk membina satu klinik kesihatan di Data Kakus.
36. PR-1422-L04837
Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jumlah projek pembangunan infrastruktur baru bagi negeri Sabah dan Sarawak yang telah diluluskan dan status pelaksanaan serta pemantauan projek-projek tersebut.
37. PR-1422-L04845
Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan punca kenaikan drastik anggaran bagi perbelanjaan lain sehingga menjadi 17.1% (kedua terbesar) daripada keseluruhan perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan pada tahun 2019.
38. PR-1422-L04429
Tuan Ahmad bin Hassan [Papar] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapa fasakah pembinaan Jalan Raya Pan Borneo yang telah dan belum ditawarkan kepada kontraktor-kontraktor di Sabah.
39. PR-1422-L05167
Tuan Shahrizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah langkah jangka pendek dan jangka panjang Kementerian dalam mengatasi masalah gangguan bekalan air kawasan luar bandar yang sering terputus di musim perayaan khususnya di daerah Setiu.

40. PR-1422-L05038
Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai hasrat untuk membina pusat-pusat dialisis untuk menangani isu peningkatan jumlah pesakit buah pinggang di negara kita. Apakah bantuan-bantuan yang disediakan oleh Kementerian untuk membantu pesakit-pesakit buah pinggang kurang berkemampuan yang tidak mendapat perkhidmatan dialisis di hospital Kerajaan.
41. PR-1422-L05129
Tuan Arthur Joseph Kurup [Pensiangan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan status cadangan menaik taraf jalan dari Sapulut ke Salung di daerah Nabawan.
42. PR-1422-L04924
Tuan Jugah anak Muyang @ Tambat [Lubok Antu] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan masalah kekurangan bekalan air bersih kepada penduduk kawasan Lubok Antu dengan mengadakan dan menyediakan tangki air berpusat (*central water storage tank*) bertujuan menampung masalah air yang tidak pernah ada jalan penyelesaian.
43. PR-1422-L04635
Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pembayar cukai mengikut peratusan bangsa kepada Kerajaan Malaysia sejak 2015 hingga kini mengikut tahun dan apakah kaedah terbaik untuk menjamin pendapatan negara melalui cukai langsung ini diperbaiki.
44. PR-1422-L05347
Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik berkenaan dengan jumlah bayi kelahiran rawatan IVF dan IUI (untuk kedua-dua hospital Kerajaan dan hospital persendirian) dalam 10 tahun kebelakangan ini. Apakah peratusan kejayaan penghamilan yang tercatat di negara kita berbanding dengan jumlah rawatan IVF dan IUI yang telah diberikan.
45. PR-1422-L05308
Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang menetapkan garis panduan dalam mengawal selia kos rawatan di hospital-hospital swasta bagi melindungi pesakit daripada dikenakan caj atau bayaran rawatan perubatan yang tidak munasabah serta mewujudkan satu Jabatan Pemantauan khusus bagi melakukan pemantauan yang ketat.

46. PR-1422-L04781
Tuan Kesavan A/L Subramaniam [Sungai Siput] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan cadangan Kerajaan menaik taraf laluan utama Sungai Siput ke Kuala Kangsar bagi mengelakkan kesesakan terutama musim perayaan dan mengurangkan kadar kemalangan.
47. PR-1422-L05073
Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah sudah ada mekanisme dalam pelaksanaan subsidi minyak bersasar seperti yang diumumkan Kerajaan dan apakah dapatan dari kajian yang telah dilaksanakan.
48. PR-1422-L04936
Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah inisiatif atau tindakan jangka masa pendek dan panjang Kementerian bagi menangani isu lambakan graduan doktor perubatan dan jururawat yang masih belum mendapat penempatan di hospital-hospital Kerajaan.
49. PR-1422-L04328
Datuk Dr. Jeffrey Gapari Kitingan [Keningau] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilakah Kerajaan akan menghapuskan hutang Sabah yang berasal dari pinjaman untuk bekalan air seperti RM253 juta untuk Projek Bekalan Air Keningau yang diumumkan pada tahun 2013.
50. PR-1422-L05685
Tuan Yusuf bin Abd. Wahab [Tanjong Manis] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah perancangan untuk menyediakan sebuah klinik di Kampung Selalang di bahagian Sarikei. Ini kerana penduduk-penduduk di kampung tersebut mendapat rawatan yang terhad di klinik syarikat "sawmill" yang berdekatan.
51. PR-1422-L05169
Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah punca hutang negara semakin meningkat. Semakan terkini di laman Bank Negara Malaysia sehingga April 2019, Hutang Langsung Kerajaan Persekutuan telah meningkat ke paras RM776.82 bilion iaitu penambahan sebanyak RM35.77 bilion bagi 4 bulan pertama tahun 2019. Ini sekaligus menjadikan kenaikan berjumlah hampir RM89.96 bilion sejak Disember 2017.

52. PR-1422-L04726
Dato' Mansor Othman [Nibong Tebal] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah Kerajaan dapat memastikan data yang diproses oleh Syarikat Insurans Great Eastern di bawah skim mySalam tidak akan disalahgunakan oleh syarikat insurans tersebut.
53. PR-1422-L04478
Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sebab-sebab kejatuhan bursa saham dan melaporkan jumlah pelaburan asing yang telah keluar berbanding dengan jumlah pelaburan asing yang masuk ke dalam negara.
54. PR-1422-L04498
Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perincian terkini situasi ekonomi negara sepanjang 6 bulan pertama 2019. Mohon dinyatakan juga prestasi Bursa Malaysia sepanjang tempoh yang sama.
55. PR-1422-L04529
Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan bilakah pembinaan Jalan Meritam/Telahak/Buangabai/Pengkalan Rejab/Sungai Poyan Fasa 2 yang masih terbengkalai akan dimulakan dan bilakah “*retender*” kali ke-3 pembinaan jalan akan dibuka.
56. PR-1422-L05363
Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bahawa Jabatan Perangkaan Negara menunjukkan indeks pelopor (*leading index*) telah susut dalam 9 dari jumlah 10 bulan yang dipantau dari Mei 2018 sehingga Februari 2019. Apakah pelan mitigasi Kerajaan bagi mengatasi masalah ini.
57. PR-1422-L04734
Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan berapakah jumlah pelajar yang ditaja oleh MARA ke luar negara dan peruntukan setiap tahun semenjak tahun 2016 hingga 2019.
58. PR-1422-L04477
Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah Kerajaan untuk memulihkan nilai ringgit.

59. PR-1422-L04921
Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah Kerajaan bagi membolehkan pusat pentadbiran daerah Subis di Pekan Bekenu mendapatkan perkhidmatan bank beroperasi sepenuhnya.
60. PR-1422-L04518
Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan tarikh pelaksanaan baik pulih jalan raya di kawasan Parlimen Kapar kerana peruntukannya telah diluluskan.
61. PR-1422-L04383
Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan dari tahun 2009 hingga 2018 :-
- (a) berapakah pemberian ikut kepala (*capitation grant*) dan penyelenggaraan jalan negeri diberi oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan-Kerajaan Negeri dan ; dan
 - (b) berapakah pinjaman dan "*advance payment*" yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan-Kerajaan Negeri.
62. PR-1422-L05393
Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah Kementerian mempunyai perancangan dan perundingan dengan pihak berkuasa negara Mesir untuk memudahkan bantuan antarabangsa kemanusiaan memasuki Gaza melalui pintu sempadan Rafah, Mesir dalam usaha Malaysia membantu negara Palestin yang sedang dikepung oleh Rejim Israel.
63. PR-1422-L05473
Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah Kementerian akan memperbaiki jalan bengkok di hadapan PERWAJA jalan Gurun – Sungai Petani yang sudah kerap berlaku kemalangan jalan raya.
64. PR-1422-L05439
Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bolehkah unit pasukan sukarelawan bomba wajib diadakan di setiap kampung atas air yang besar di Sabah dan Labuan memandangkan risiko kebakaran di perkampungan tersebut adalah tinggi.

65. PR-1422-L05580
Datuk Abd Rahim bin Bakri [Kudat] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan kenapakah sehingga kini bekalan elektrik masih belum dapat disalurkan ke sebelas (11) buah kampung di daerah Pitas yang terlibat dalam projek bekalan elektrik luar bandar (BELB) seperti Kampung Pansuran, Kampung Malubang, Kampung Mangkubau Laut dan yang lain yang mana masalah ini telah lama tertangguh seolah-olah tiadanya usaha untuk mempercepatkan proses penyaluran bekalan tersebut.
66. PR-1422-L05556
Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibü] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan duta-duta lantikan politik yang dilantik oleh Kerajaan terdahulu yang belum meletakkan jawatan. Senaraikan nama-nama duta tersebut dan tempat mereka berkhidmat. Apakah implikasinya sekiranya mereka tidak meletakkan jawatan.
67. PR-1422-L04481
Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan laporan kejayaan program pembinaan rumah baru dan baik pulih rumah lama bagi penduduk di luar bandar dan jumlah rumah rakyat yang telah dibina di kawasan bandar.
68. PR-1422-L05644
Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah status permohonan Dewan Serbaguna baru Kampung Gum-Gum memandangkan dewan yang sedia ada itu pula kecil dan uzur.
69. PR-1422-L05533
Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan klinik komuniti, purata doktor bagi setiap klinik di seluruh negara.
70. PR-1422-L05292
Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perancangan dan tindakan segera Kementerian untuk menaik taraf Klinik Kesihatan Kota Samarahan memandangkan peningkatan jumlah pengguna.

71. PR-1422-L05117
Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan usaha Kementerian untuk mencapai standard antarabangsa dalam sektor pelancongan pengembaraan alam semula jadi di Sarawak.
72. PR-1422-L05254
Tuan Ali anak Biju [Saratok] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perancangan terdekat dan juga untuk jangka masa panjang daripada pihak Kementerian bagi menangani masalah kesesakan yang sering berlaku di Hospital Umum Saratok.
73. PR-1422-L05304
Tuan Wong Ling Bui [Sarikei] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan jumlah dan peratusan pelancong yang melawat dari negara Eropah, Amerika Utara dan Arab.
74. PR-1422-L04655
Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [Hulu Rajang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan sekiranya pihak Kementerian bercadang untuk:-
- (a) membina stesen hidroelektrik mini di Long Busang, Belaga ; dan
 - (b) membina stesen solar hibrid di Rumah Melintang, Sg. Gaat, Baleh, Kapit.
75. PR-1422-L04431
Tuan Ahmad bin Hassan [Papar] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapa kos pembuatan yang dapat diijimatkan apabila Rakan Pelaksana Projek (PDP) Lebuhraya Pan Borneo di Sabah dimansuhkan dan diserahkan kepada Kerajaan Negeri Sabah pada April lalu untuk memastikan kelancaran proses pembinaan lebuhraya tersebut.
76. PR-1422-L04458
Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk menaik taraf semua hospital dan klinik kesihatan di negeri Pulau Pinang yang sudah mencapai kegunaan maksima sekarang.

77. PR-1422-L05210
Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan butir-butir perjanjian pajakan bagi "*fabrication yard*" milik Kementerian Kewangan di Labuan yang diduduki oleh Labuan Shipyard & Engineering Sdn. Bhd. (LSE). Adakah Kementerian bercadang untuk mengkaji semula perjanjian pajakan ini.
78. PR-1422-L05703
Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan penerangan skop kawasan bagi Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Kawasan Puncak Borneo Fasa II, Bahagian Kuching, Negeri Sarawak. Kawasan kampung manakah yang terlibat dan berapa keluargakah yang akan bermanfaat daripada projek ini dan bilakah projek ini akan dilaksanakan.
79. PR-1422-L05153
Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan adakah Kementerian berhasrat dan bercadang untuk memajukan daerah Sabak Bernam sebagai hub agro-pelancongan yang menfokuskan kepada aktiviti dan hasil/produk pertanian serta perikanan untuk menarik pelancong domestik dan luar negara.
80. PR-1422-L04377
Datuk Aaron Ago Dagang [Kanowit] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sebenar kelebihan SST dari sudut ketelusan dan liputan (*coverage*) ke atas semua barang dan perkhidmatan yang sepatutnya dikenakan cukai dan dibandingkan dengan sistem GST.
81. PR-1422-L04374
Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jadual yang menunjukkan jalan-jalan diseluruh negara yang di bawah penyelenggaraan JKR dan manakah yang dalam status kritikal tetapi masih belum bermula proses penawaran kontrak.
82. PR-1422-L05749
Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu [Tambun] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk mengatasi kekurangan peruntukan oleh Kerajaan Persekutuan bagi menyiapkan projek-projek yang tertangguh daripada Kerajaan yang terdahulu.

83. PR-1422-L05755
Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu [Tambun] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan sama ada Kementerian akan mengkaji semula peraturan-peraturan/garis panduan melibatkan pemandu pelancong yang telah lapuk dan tidak selari dengan perkembangan pesat ekonomi digital yang sekaligus membantutkan pertumbuhan sektor pelancongan.
84. PR-1422-L05280
Tuan Mordi Bimol [Mas Gading] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah tindakan Kerajaan tentang pelaksanaan program Rumah Mesra Rakyat yang menjadi keperluan anak muda atau masyarakat di kawasan luar bandar dan berapa unitkah yang telah dilaksanakan mengikut kawasan Parlimen di Sarawak sejak Pakatan Harapan menjadi Kerajaan.
85. PR-1422-L05716
Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah perkembangan semasa proses nasionalisasi konsesi tol dan pengenalan caj kesesakan seperti yang pernah diumumkan Kerajaan sebelum ini dan bilakah jangkaan perkara ini dapat dimuktamadkan.
86. PR-1422-L05056
Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapakah wang royalti minyak negeri Kelantan masih belum dibayar dan bilakah ianya dijangka akan dilangsaikan.
87. PR-1422-L04711
Tuan Pang Hok Liong [Labis] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah rancangan pihak Kementerian untuk meningkat had laju di Lebuhraya Utara Selatan dari 110 ksj ke 130 ksj.
88. PR-1422-L05578
Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapa jumlah kes kemalangan maut yang melibatkan atau disebabkan lori dan bas berbanding dengan kereta dan motosikal di Lebuhraya Utara Selatan serta Lebuhraya Pantai Timur dari tahun 2008 sehingga 2019 serta apakah KPI untuk mengalihkan kenderaan daripada mana-mana lokasi kejadian untuk menyelaraskan perjalanan kenderaan lain dan apakah usaha Kerajaan untuk mengurangkan kadar kemalangan di jalan raya.

89. PR-1422-L04644
Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan setakat ini berapakah pendapatan Kerajaan daripada import plastik dan berapakah kerugian akibat pencemaran dan kilang haram.
90. PR-1422-L05246
Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah pendirian dan dasar Kerajaan Malaysia berkenaan isu import sisa plastik.
91. PR-1422-L05662
Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tahap ancaman kesihatan penggunaan bahan dari daun ketum di Malaysia dan apakah kaedah-kaedah yang dicadangkan untuk mengatasi masalah ini.
92. PR-1422-L04596
Dato' Haji Mohd. Salim Sharif [Jempol] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan pelan tindakan untuk menghentikan aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh penjaja warga asing sekaligus memberi peluang kepada warga tempatan untuk terlibat dalam bidang perniagaan.
93. PR-1422-L04751
Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status semasa penjawatan Pegawai Penguatkuasa Jabatan Kastam di Zon Bebas Cukai Tasik Kenyir, Hulu Terengganu.
94. PR-1422-L05714
Dato' Seri Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tindakan-tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk membantu Kerajaan Negeri Kedah membangunkan projek Kedah Rubber City (KRC) di Bukit Ketapang dalam daerah Padang Terap. Adakah Kementerian Industri Utama telah merangka pelan tindakan untuk mendorong dan menyokong pertumbuhan kegiatan huluan dan hiliran sektor getah bagi menjamin kejayaan projek KRC.
95. PR-1422-L04956
Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan formula untuk mengira harga petrol RON95, RON97 dan diesel dan berapakah jumlah subsidi yang telah diberikan sejak Jun 2018 hingga sekarang.

96. PR-1422-L04689

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status pelan Kerajaan untuk menukar "*Project Delivery Partner*" (PDP) kepada "*turnkey contractor*" untuk Pan Borneo Highway di Sarawak dan juga apakah kelebihan yang akan ada dengan penukaran tersebut.

PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. **Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna**
 - * Rang Undang-Undang Syarikat (Pindaan) 2019.

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

- | | | | |
|----|-----------------|--|-------------------------------|
| 1. | (D.R.15/2019) | Rang Undang-Undang Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2019 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | | [Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna] | |
| 2. | (D.R 16/2019) | Rang Undang-Undang Perikanan (Pindaan) 2019 | " |
| | | [Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani] | |
| 3. | (D.R 14/2019) | Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2019 | " |
| | | [Perdana Menteri] | |
| 4. | (D.R. 9/2019) | Rang Undang-Undang Majlis Keselamatan Negara (Pindaan) 2019 | " |
| | | [Perdana Menteri] | |

5. **Perdana Menteri** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan di bawah Seksyen 10, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan bahawa draf bagi Perintah Perlembagaan Persekutuan (Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya) (Negeri Sabah) 2019, (Kertas Status ST.112 Tahun 2019), yang telah dibentangkan dalam Dewan ini pada 8 Julai 2019 bersama dengan laporan Suruhanjaya Pilihan Raya bertarikh 14 Februari 2017 mengenai Kajian Semula Persempadanan Mengenai Syor-Syor Yang Dicadangkan Bagi Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan Dan Negeri Di Dalam Negeri Sabah Kali Keenam Tahun 2017, (Kertas Status ST.111 Tahun 2019), dan yang akan dibuat di bawah Seksyen 12, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan untuk menguatkuasakan syor-syor yang terkandung dalam laporan tersebut, adalah diluluskan"

6. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan perengan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM22,000 juta wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) di bawah seksyen 3(1) Akta yang sama ke Kumpulan Wang Pembangunan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi maksud Kumpulan Wang tersebut."

PR-1422-U(27)050

7. **Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentangkan laporan mengenai tindakan-tindakan yang akan diambil daripada cadangan-cadangan penstrukturan semula dan pelan pemulihan terhadap syarikat penerbangan negara, Malaysia Airlines Berhad (MAB). Memandangkan MAB merupakan satu entiti perniagaan yang telah sekian lama menjadi kebanggaan dan maruah negara, maka adalah penting bagi rakyat Malaysia untuk mengetahui usaha-usaha penambahbaikan serta pembaharuan yang konstruktif dan menyeluruh yang dicadangkan dalam usaha memulihkan semula masa depan MAB. "

[Perdana Menteri]

8. PR-1422-U(27)051

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memaparkan Laporan Khas mengenai pelaksanaan projek tambakan laut di perairan selatan Pulau Pinang (PSR) yang dirangka menerusi Pelan Induk Pengangkutan (PIP) serta mengemukakan laporan mengenai tindakan-tindakan yang telah diambil daripada 18 nasihat oleh Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN) dan ulasan jabatan teknikal yang berkaitan bagi memastikan pelaksanaan projek itu selari dengan Seksyen 2A(2)(b) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976. Berlandaskan prinsip ketelusan dan akauntabiliti, adalah menjadi keperluan kepada Kerajaan untuk mengemukakan laporan ini memandangkan projek ini memberikan implikasi yang besar terhadap alam sekitar, sosial dan kewangan."

[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

9. PR-1422-U(27)052

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memberi penjelasan terhadap laporan pelaksanaan Pelan Perpaduan, Kesepaduan dan Penyatupaduan Malaysia di bawah Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) yang dilancarkan pada Oktober 2018 dalam memperkasakan keharmonian masyarakat majmuk di Malaysia dengan mewujudkan pendekatan yang bersifat lebih holistik dan inklusif sekaligus membawa kepada pemahaman yang lebih baik antara komuniti yang berbeza serta mewujudkan kesepaduan sosial dan perpaduan negara yang lebih baik. Kerajaan perlu membentangkan serta membentuk ruang perbincangan dengan segera apakah syor yang disarankan melalui pelan ini benar-benar efektif dalam mengukuhkan jalinan perpaduan di negara ini."

[Perdana Menteri]

10. PR-1422-U(27)053

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memberi perhatian terhadap pembangunan dan meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat Orang Asli, seperti yang termaktub dalam Janji 38, Manifesto PH iaitu Membela Nasib Orang Asli di negara ini. Kerajaan perlu membentangkan cadangan Pelan Pembangunan Masyarakat Orang Asli Nasional bagi menangani isu utama dihadapi masyarakat Orang Asli di negara ini dan adalah kemestian bagi Kerajaan memastikan setiap gerak kerja dan usaha pembangunan yang dilaksanakan Kerajaan terhadap Orang Asli ini adalah sejajar dengan Pendekatan Berasaskan Hak Asasi Manusia (PBHAM). Ini adalah supaya setiap program pembangunan dan kebajikan yang dirancang mampu memberi faedah yang lebih menyeluruh kepada masyarakat Orang Asli di samping tidak mengenenpikan kepentingan dan memelihara perkara asas berkaitan mereka melalui prinsip IMABT (Keizinan Berasaskan Makluman, Awal, Bebas dan Telus)."

[Perdana Menteri]

11. PR-1422-U(27)054

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Agar institusi Parlimen menetapkan supaya satu Jawatankuasa Pilihan Khas ditubuhkan bagi meneliti semua pandangan rakyat Malaysia mengenai langkah Kerajaan untuk memansuhkan hukuman mati dalam 32 kesalahan melibatkan lapan perundangan negara atau yang terkini mungkin hanya memansuhkan hukuman mandatori sahaja."

"Dalam semangat Malaysia Baharu selepas 9 Mei, ianya menjadi satu tanggungjawab Kerajaan agar dapat menghormati pandangan setiap lapisan rakyat Malaysia terutamanya mengenai perkara memansuhkan hukuman mati yang juga melibatkan nyawa masyarakat termasuk perasaan keluarga mangsa atau keluarga tahanan hukuman mati."

"Sekiranya pandangan rakyat ini tidak diteliti, Kerajaan Pakatan Harapan akan dilihat sebagai menafikan hak kebebasan bersuara mereka. Kerajaan juga perlu menyatakan pendirian dengan jelas, apakah alternatif lain yang akan diganti selepas pemansuhan hukuman mati ini dilaksanakan dan apakah ia mampu dijadikan sebagai langkah pencegahan atau sebaliknya. Kerajaan Pakatan Harapan perlu sedar bahawa kejayaan mereka menjadi Kerajaan hari ini adalah disebabkan kuasa dan suara rakyat."

[Perdana Menteri]

12. PR-1422-U(27)055

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Dewan ini menyeru agar Kerajaan dapat mendengar suara rakyat dan seterusnya membatalkan cadangan projek kereta nasional ketiga yang dijadualkan pelaksanaannya pada tahun 2020. Menteri Kewangan telah memberi jaminan pada Ogos 2018 bahawa projek kereta nasional ketiga tidak akan menggunakan wang rakyat. Namun, Menteri Pembangunan Usahawan telah mengumumkan peruntukan dana sebanyak RM20 juta pada Januari 2019 bagi membangunkan prototaip kereta nasional ketiga. Kos penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan juga penghasilan kereta nasional ketiga melibatkan pelaburan berbilion-bilion ringgit. Walaupun projek ini dimajukan oleh syarikat berkaitan kerajaan (GLC) seperti SiTerra Malaysia Sdn. Bhd., ianya secara tidak langsung melibatkan wang rakyat kerana SiTerra Malaysia Sdn. Bhd. adalah milik Khazanah Nasional. Memandangkan situasi ekonomi negara yang tidak menentu, projek kereta nasional ketiga akan membebankan Kerajaan dan rakyat (khususnya pembeli kereta) sekiranya projek ini diteruskan. Adalah disarankan agar projek kereta nasional ketiga dibatalkan demi menjimatkan wang rakyat."

[Perdana Menteri]

13. PR-1422-U(27)056

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Menurut laporan media Sin Chew Daily bertarikh 19 Ogos 2018, Ketua Strategi PPBM Rais Hussin yang merupakan Pengerusi Jawatankuasa Penggubalan Manifesto Pakatan Harapan sebelum PRU14 telah mengumumkan bahawa semasa Buku Harapan (Manifesto PH untuk PRU14) dirangka, pra-syarat untuk menilai pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersepadu (Unified Examination Certificate–UEC) adalah kelulusan dalam 4 mata pelajaran iaitu Bahasa Melayu, Sejarah, Matematik dan Sains di peringkat SPM"

"Akan tetapi, Kementerian Pendidikan setakat ini tidak pernah menjelaskan perkara tersebut yang banyak menimbulkan kekeliruan dan ianya berlainan nada dengan apa yang dijanjikan oleh Pakatan Harapan semasa PRU14, iaitu UEC dapat diiktiraf hanya dengan memperolehi kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM."

"Mantan Menteri Pelajaran iaitu Ahli Parlimen Pagoh telah mengarahkan semua universiti awam tempatan untuk menambah satu syarat am bagi kemasukan ke universiti awam iaitu sekurang-kurangnya lulus dalam mata pelajaran Sejarah di peringkat SPM memandangkan mata pelajaran Sejarah telah menjadi mata pelajaran wajib lulus dalam SPM. Ini bermakna tanpa lulus mata pelajaran Sejarah di peringkat SPM, seseorang calon itu tidak boleh memperolehi sijil SPM. Arahan tersebut berkuatkuasa sejak tahun 2013."

“Dewan ini mendesak Kementerian Pendidikan untuk menjelaskan sama ada mata pelajaran Sejarah, Matematik dan Sains di peringkat SPM masih diambil kira sebagai pra-syarat pengiktirafan UEC seperti yang dikatakan oleh Rais Hussin. Sekiranya kenyataan Rais Hussin itu benar, maka Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) perlu melakukan penyesuaian dasar baru bagi mengatasi kekangan syarat kemasukan pelajar UEC ke universiti awam tempatan. Kementerian Pendidikan mesti mempunyai pendirian yang jelas dalam perkara ini dan tidak boleh berbolak-balik.”

“Selaras dengan manifesto Pakatan Harapan, Kementerian Pendidikan harus memberi pengiktirafan segera ke atas pelajar UEC seperti mana yang dijanjikan oleh YB Kulai merangkap Timbalan Menteri Pendidikan semasa berkempen di PRU 14 dan dalam rakaman video beliau pada 9 April 2018 yang dimuat naik ke “Youtube”, di mana beliau mengatakan Pakatan Harapan sudah mempunyai “hitam putih” untuk mengiktiraf UEC sebaik sahaja Pakatan Harapan menjadi Kerajaan.”

[Menteri Pendidikan]

14. PR-1422-U(27)057

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

“Dewan ini menyeru agar Kerajaan dapat meneruskan projek pembinaan 10 buah SJKC baru dan perpindahan 6 buah SJKC kurang murid yang telah diluluskan oleh Kerajaan pada 26 Oktober 2017, termasuk mengekalkan 10 nama sekolah baru yang telah diluluskan.”

“Kerajaan sepatutnya menyiapkan projek tersebut dalam masa 5 tahun dengan peruntukan RM20 juta setiap tahun (jumlah keseluruhannya RM100 juta) seperti yang telah dijanjikan oleh Kerajaan terdahulu.”

“Tetapi malangnya, pelaksanaan projek tersebut agak lambat dan tiada perkembangan yang signifikan. Dengan itu, mengharapkan Dewan ini mengambil maklum perkara ini dan mendesak Kerajaan Pakatan Harapan mempercepatkan proses pembinaan 10 buah SJKC baru dan perpindahan 6 buah SJKC kurang murid ke kawasan yang lebih padat penduduk Cina.”

“Seperti yang dijanjikan oleh YB Menteri Pendidikan pada 28 Jun 2018, SJKC Kuek Ho Yao di Seri Austin, Johor Bahru dan SJKC Sim Mow Yu di Masai, Johor akan tetap didirikan memandangkan upacara pecah tanah sekolah telah disempurnakan pada tahun 2018, iaitu sebelum PRU 14. Maka, Kementerian Pendidikan sepatutnya rasa terpenggil untuk menyalurkan peruntukan sekurang-kurangnya RM7 juta untuk menanggung kos pembinaan setiap SJKC yang dinamakan di atas.”

[Menteri Pendidikan]

15. PR-1422-U(27)058

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Dewan ini menggesa Kerajaan supaya dapat memberikan peruntukan yang sama rata kepada Ahli Parlimen tanpa mengira fahaman politik. Ini kerana, Ahli Parlimen Kerajaan di Semenanjung Malaysia telah diberi peruntukan sebanyak RM1,000,000 iaitu RM300,000 untuk operasi Pusat Khidmat dan RM700,000 bagi peruntukan kawasan pada tahun 2018. Manakala tahun 2019, Ahli Parlimen Kerajaan diperuntukkan RM1,800,000 iaitu RM300,000 untuk operasi Pusat Khidmat dan RM1,500,000 bagi peruntukan kawasan. Sementara Ahli Parlimen pembangkang hanya diberikan RM100,000 sahaja bagi tahun 2018 dan tidak menerima apa-apa peruntukan untuk tahun 2019. Ini merupakan satu bentuk diskriminasi yang amat ketara."

"Gesaan ini selari dengan semangat 'Malaysia Baharu' dan hasrat badan bebas (NGO) seperti BERSIH yang mahu memastikan tiada istilah diskriminasi dalam negara dan semua pengundi harus dilayan dengan adil dan saksama. Malah, perkara ini juga diperjuangkan oleh pemimpin Kerajaan hari ini ketika bergelut pembangkang suatu ketika dahulu. Dalam masa sama, semangat 'Malaysia Baharu' ini juga yang menuntut kesuburan demokrasi. Prinsip keadilan ini akan dijadikan sebagai penanda aras dan seterusnya diteladani oleh Kerajaan negeri yang lain di Malaysia tanpa mengira parti mana yang memerintah."

[Perdana Menteri]

16. PR-1422-U(27)059

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan perancangan jangka masa panjang yang menyeluruh dalam memastikan setiap dasar dan polisi Kerajaan di semua peringkat mempunyai tahap kefahaman mengenai institusi raja atau raja berpelembagaan yang kukuh seterusnya menyemai kefahaman yang sebenar dalam kalangan rakyat di negara ini. Sejak kebelakangan ini banyak kekeliruan berlaku khususnya dalam kalangan anak-anak muda berkenaan dengan bagaimana kuasa institusi raja diamalkan dan ramai dibesarkan dengan fahaman bahawa Raja Melayu bertindak atas nasihat sebenarnya tidak memahami maksud sebenar. Perkataan nasihat itu sering disalah erti kerana perkataan dalam perlembagaan dalam versi Bahasa Inggeris, kita guna "*advice*" yang membawa maksud perkara yang baik-baik. Ia adalah bertentangan kepada perkataan "*vice*". Raja juga perlu menerima nasihat yang baik-baik. Ini kerana dalam perlembagaan diberikan hak kepada raja-raja untuk meminta maklumat daripada Kerajaan tentang institusi semasa negeri. Baginda berhak. Perkara tersebut ada ditulis dalam perkara 40 (1) walaupun bertindak atas nasihat tetapi baginda mempunyai hak untuk mengetahui tentang hal ehwal semasa negeri. Selain itu terdapat polemik berkaitan istilah raja sebagai simbol. Apabila simbol, raja perlu bertindak atas nasihat tanpa mengambil kira peruntukan dalam perlembagaan yang memberikan kuasa budi bicara yang mutlak kepada raja-raja."

Maknanya ada lagi ciri-ciri yang dikatakan budi bicara kepada raja itu. Dalam Perkara 181 Perlembagaan Persekutuan menyebut kedaulatan raja adalah kekal sebagaimana sebelum ini. Apabila menyatakan raja-raja itu mempunyai kedaulatan, baginda mempunyai kuasa dan kekuasaan. Perkataan kedaulatan itu menyatakan tentang ada kedaulatan, kuasa dan kekuasaan. Kalau ada kedaulatan tetapi perlembagaan tidak memberikan baginda kuasa, maka tidak ada kekuasaan dan ia tidak bererti. Tetapi, raja berpelembagaan walaupun bertindak dalam kebanyakan perkara atas nasihat tetapi ada ruang-ruang diberikan kepada baginda menerusi perlembagaan. Apabila telah mantap dengan asas kenegaraan ini, baharulah institusi raja berpelembagaan dapat difahami dengan mantap. Institusi beraja ini tidak boleh dibicarakan secara bermusim, ia perlu setiap masa dan dihayati oleh setiap rakyat. "

[Perdana Menteri]

17. PR-1422-U(27)060

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan secara menyeluruh dan terperinci berkenaan Laporan Rumusan Jawatankuasa Eksekutif Penilaian Operasi LYNAS yang telah dikeluarkan pada 8 Disember 2018 yang lalu. Pembentangan ini amat penting supaya rakyat memahami dengan jelas apakah yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa tersebut untuk tindakan seterusnya. Laporan ini juga sekaligus akan meleraikan setiap kenyataan-kenyataan anggota pentadbiran Kerajaan dan pelbagai pihak berkepentingan yang bercanggah dan mengelirukan. Laporan rumusan ini juga akan menjadi rujukan utama untuk platform analisis bagi semakan sama ada tindakan Kementerian berhubung operasi LYNAS selari dengan kandungan rumusan laporan tersebut."

[Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim]

18. PR-1422-U(27)061

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan menyatakan pendirian terhadap desakan antarabangsa yang berterusan kepada Malaysia untuk menandatangani dan meratifikasi semua perjanjian antarabangsa mengenai hak asasi manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Kerajaan tanpa campur tangan kuasa asing perlu mempunyai pendirian yang jelas dan tidak bercelaru kerana setiap negara mempunyai hak sama ada untuk turut serta atau sebaliknya dalam setiap perjanjian antarabangsa kerana tidak kira kuasa besar atau kecil, keutamaan negara individu adalah berbeza diantara satu sama lain. Menjadi prinsip kebanyakan negara terutamanya kuasa besar dunia akan hanya mengesahkan perjanjian antarabangsa jika ia tidak menongkahkan arus kehendak Perlembagaan sesuatu negara iaitu kepentingan rakyat dan negara mereka diutamakan.

Dalam hal ini, Perlembagaan Persekutuan harus dijadikan rujukan utama buat Malaysia dalam membuat apa-apa keputusan. Seperti mana keenganan negara-negara kuasa besar dunia mengesahkan perjanjian-perjanjian hak asasi ini perlu dijadikan perhatian oleh Kerajaan Malaysia kerana asas utama keenganan negara-negara besar ini ialah mereka amat kkuatir konvensyen tersebut akan menghakis kedaulatan negara meraka. Pendirian berkenaan perjanjian antarabangsa memerlukan kefahaman tentang pemakian undang-undang antarabangsa dalam sistem perundangan Malaysia. Pemahaman terhadap teori penerimaan dan pemakaian undang-undang antarabangsa dakam suatu negara iaitu Doktrin Diperbadankan (*Doctrine of Incorporation*) dan Doktrin Transformasi (*Doctrine of Transformation*) perlu jelas dan difahami secara mendalam terlebih dahulu. Perkara 74 dan Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan memberikan kesan bahawa kuasa untuk membuat atau menandatangani dan meratifikasi triti atau perjanjian di peringkat antarabangsa adalah terletak di bawah bidang kuasa Persekutuan. Ia juga menunjukkan bahawa Badan Eksekutif mempunyai kuasa untuk membuat perjanjian antarabangsa atau menandatangani apa-apa perjanjian antarabangsa, manakala kuasa untuk menguatkuasakan undang-undang antarabangsa tersebut adalah terletak hak kepada Parlimen. Prinsip yang harus Kerajaan nyatakan dengan jelas adalah kedaulatan negara dan kepentingan rakyat masing-masing mesti didahulukan walaupun negara terbabit akan dituduh sebagai tidak menghormati suara majoriti masyarakat antarabangsa."

[Menteri Luar Negeri]

19. PR-1422-U(27)062

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan mewujudkan dasar yang jelas serta dan polisi yang lengkap berkenaan menetapkan harga lantai bagi sektor komoditi di negara ini. Kerajaan perlu mempunyai mekanisme yang kukuh dalam menstabilkan harga sektor komoditi di negara ini yang merangkumi industri sawit, industri getah, industri koko, industri lada dan industri tembakau. Dengan melaksanakan penetapan harga subsidi atau harga lantai bagi setiap industri komoditi ini akan memastikan nasib peneroka dan pekebun kecil terbela melalui jaminan harga industri yang jelas dan kukuh pada setiap masa. Kerajaan harus menggunakan semua platform seperti agensi Lembaga Getah Malaysia, Lembaga Minyak Sawit Malaysia, Lembaga Koko Malaysia, Lembaga Lada Malaysia, Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara serta agensi-agensi antarabangsa yang memainkan peranan besar dalam menyelaras sektor komoditi. Kerajaan juga perlu menyediakan pelan-pelan sokongan dan bantuan bagi jangka masa panjang bagi memastikan mereka yang terlibat terutamanya peneroka dan pekebun kecil tidak terjejas dan tidak terlalu bergantung kepada harga pasaran dunia."

[Menteri Industri Utama]

20. PR-1422-U(27)063

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan menubuhkan sebuah jawatankuasa bagi mengkaji dan membentangkan perancangan model pendidikan jangka masa panjang menyeluruh yang akan menyelesaikan masalah polarisasi kaum yang semakin menebal dalam kalangan anak muda di negara ini. Model pendidikan jangka masa panjang ini perlu merangkumi keseluruhan aspek pembelajaran termasuk komponen subjek akademik, komponen kerohanian dan komponen etnik tanpa membelakangi peruntukkan yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan dan semangat Rukun Negara. Masalah polarisasi akaun akan dilihat semakin serius jika perancangan ini tidak dilakukan segera. Apabila model pendidikan daripada peringkat awal pembelajaran tidak dapat mencapai tahap toleransi semua kaum dan semangat kenegaraan semakin lemah dalam kalangan anak muda, potensi untuk membangunkan negara bangsa mengikut acuan kita sendiri akan terencat dan keharmonian serta kesejahteraan negara juga akan terancam."

[Menteri Pendidikan]

21. PR-1422-U(27)047

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"mencadangkan Kerajaan supaya mempergiatkan usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang kelihatan masih lemah dan longgar meskipun negara telah menjadi negara merdeka dan berdaulat sejak 61 tahun lalu supaya mereka boleh hidup dengan aman dan saling memerlukan serta memahami bagi memudahkan mereka membangunkan ekonomi negara secara bersama dan merealisasikan Impian Negaraku Malaysia Baharu selepas PRU-14."

[Perdana Menteri]

22. PR-1422-U(27)048

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"memulihkan pilihan raya Kerajaan Tempatan seluruh negara supaya urusan tadbir Kerajaan menjadi lebih cekap, akauntabiliti dan bersih dengan mengambil langkah pertama untuk membuat kajian serius dan melakukan pungutan suara antara rakyat."

[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

23. PR-1422-U(27)049

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini bersetuju untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (JPKP) mengenai Pilihan Raya, supaya JPKP tersebut boleh menyiasat aduan mengenai salah laku-salah laku bekas ahli-ahli Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dalam pilihan raya umum yang lepas; dan Parlimen mempunyai sebuah platform bebas tersendiri untuk memantau dan menerima laporan daripada SPR secara berterusan."

[Perdana Menteri]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2019</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST. 111	Laporan Kajian Semula Persempadanan Mengenai Syor-Syor Yang Dicadangkan Bagi Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan Dan Negeri Di Dalam Negeri Sabah Kali Keenam Tahun 2017	8 Julai 2019
ST. 112	Perintah Perlembagaan Persekutuan (Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya) (Negeri Sabah) 2019	8 Julai 2019

****UCAPAN
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 08.07.2019 (Isnin)	1. YB Tuan Wong Ling Bui (Sarikei)	1. Cadangan Klinik Kesihatan Jenis 3 Baru Di Sarikei	1. YB Menteri Kesihatan
2. 08.07.2019 (Isnin)	2. YB Tuan Mohd Shahar bin Abdullah (Paya Besar)	2. Membangunkan Industri Ekonomi Pelancongan Dan Budaya Paya Besar Sebagai Tumpuan Eco-Tourism	2. YB Menteri Pelancongan, Seni Dan Budaya

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**